

1

Siapakah yang dimaksudkan dengan kanak-kanak?

Menurut **subseksyen 2(1) Akta Kanak-Kanak 2001 [Akta 611]**, "kanak-kanak" ertiannya seseorang yang di bawah umur lapan belas tahun dan berhubung dengan prosiding jenayah, ertiannya seseorang yang sudah mencapai umur bagi tanggungjawab jenayah sebagaimana yang ditetapkan dalam **seksyen 82 Kanun Kesejahteraan**.

2

Apakah hak seseorang kanak-kanak selepas ditangkap oleh pihak berkuasa?

Menjadi kewajipan seseorang pegawai polis atau seorang lain yang melakukan tangkapan, sebaik sahaja selepas penangkapan seorang kanak-kanak, memberitahu Pegawai Akhlak dan ibu bapa atau penjaga kanak-kanak itu tentang penangkapan itu. Polis perlu juga memberitahu Pegawai Akhlak atau ibu bapa atau penjaga kanak-kanak itu sebab penangkapan dan menghantar suatu salinan pertuduhan dan maklumat lain yang perlu untuk membolehkan Pegawai Akhlak mengambil apa-apa tindakan yang perlu.

3

Apakah prosedur yang perlu dipatuhi semasa seorang kanak-kanak ditahan?

Seorang kanak-kanak, semasa ditahan di balai polis, semasa dibawa ke atau dari mahkamah, atau semasa menunggu sebelum atau selepas hadir di mana-mana mahkamah, hendaklah diasingkan daripada pesalah dewasa. Dalam hal seorang kanak-kanak perempuan, dia hendaklah diletakkan di bawah jagaan seorang wanita.

4

Bagaimanakah seseorang kanak-kanak dibicarakan?

Seseorang kanak-kanak hanya boleh dibicarakan di Mahkamah Bagi Kanak-Kanak. Walau bagaimanapun, sekiranya seseorang kanak-kanak dituduh bersama-sama dengan seorang dewasa, perbicaraan boleh diadakan di mahkamah lain.

5

Apakah yang dimaksudkan dengan Mahkamah Bagi Kanak-Kanak dan apakah bidang kuasanya?

Mahkamah Bagi Kanak-Kanak ialah mahkamah yang mendengar, memutuskan atau membereskan apa-apa pertuduhan terhadap kanak-kanak atau menjalankan apa-apa bidang kuasa lain yang diberikan atau yang akan diberikan kepada Mahkamah Bagi Kanak-Kanak di bawah Akta ini atau oleh mana-mana undang-undang bertulis lain.

Mahkamah Bagi Kanak-Kanak mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan semua kesalahan kecuali kesalahan yang boleh dihukum dengan hukuman mati.

6

Apakah fungsi penasihat?

Fungsi penasihat adalah untuk memaklumkan dan menasihati Mahkamah Bagi Kanak-Kanak tentang apa-apa pertimbangan yang menyentuh perintah yang dibuat berdasarkan dapatan bersalah atau pelakuan lain yang berkaitan terhadap mana-mana kanak-kanak yang dibawa ke hadapan Mahkamah itu dan jika perlu, untuk menasihati ibu bapa atau penjaga kanak-kanak itu.

7

Bagaimana prosiding di Mahkamah Bagi Kanak-Kanak?

Prosiding di Mahkamah Bagi Kanak-Kanak ialah -

- menjalankan perbicaraan dalam kamar majistret atau secara tertutup (*in camera*);
- dua orang penasihat hendaklah turut hadir semasa perbicaraan untuk menasihati Majistret berhubung dengan perintah yang akan dibuat terhadap kanak-kanak menurut **subseksyen 11(2) Akta 611**;
- ibu bapa atau penjaga kanak-kanak boleh dikehendaki hadir pada semua peringkat perbicaraan menurut **subseksyen 12(3) Akta 611**;

d

(d) menurut **subseksyen 91(2) Akta 611**, perkataan "sabitan" atau "hukuman" tidak boleh digunakan terhadap seseorang kanak-kanak yang terhadapnya Mahkamah Bagi Kanak-Kanak bertindak dan sesuatu "sabitan" atau "hukuman" hendaklah ditafsirkan sebagai satu dapatan bersalah sahaja;

e

(e) kanak-kanak di bawah umur empat belas tahun tidak boleh dikenakan hukuman penjara;

f

(f) kanak-kanak yang berumur empat belas tahun ke atas tidak boleh-

(i) diperintahkan supaya dipenjarakan jika dia boleh diperlakukan dengan apa-apa cara lain yang sesuai sama ada dengan percubaan, atau denda, atau dihantar ke sesuatu tempat tahanan atau sekolah diluluskan, atau Sekolah Henry Gurney, atau selainnya;

(ii) jika diperintahkan supaya dipenjarakan, dibenarkan bergaul dengan banduan-banduan dewasa.

8

Bolehkah seseorang kanak-kanak menyoal balas saksi pendakwa semasa perbicaraan?

Seseorang kanak-kanak boleh menyoal balas saksi sama ada melalui peguam, ibu bapa, saudara-mara atau mahkamah.

9

Apakah maklumat yang perlu diperoleh oleh Mahkamah Bagi Kanak-Kanak sebelum apa-apa perintah dibuat terhadap seseorang kanak-kanak?

Mahkamah perlu mendapatkan laporan akhlak daripada seorang pegawai akhlak yang mengandungi maklumat seperti kelakuan seseorang kanak-kanak itu pada amnya, suasana rumah, rekod sekolah dan riwayat perubatannya. Mahkamah boleh melepaskan seseorang kanak-kanak itu atas jaminan atau menahannya di suatu tempat tahanan.

Apakah perintah yang boleh dibuat oleh Mahkamah Bagi Kanak-Kanak?

Sekiranya suatu kesalahan telah terbukti dilakukan oleh seseorang kanak-kanak, Mahkamah adalah berkuasa untuk—

- (a) memberi amaran dan melepaskan seseorang kanak-kanak;
- (b) melepaskan kanak-kanak itu selepas dia mengikat suatu bon untuk berkelakuan baik dan mematuhi apa-apa perintah yang dikenakan;
- (c) memerintahkan ibu bapa atau penjaga kanak-kanak itu menyempurnakan suatu bon untuk menjalankan pemeliharaan dan penjagaan sewajarnya;
- (d) tanpa membuat suatu perintah lain, atau sebagai tambahan kepada suatu perintah di bawah perenggan (c), membuat suatu perintah di bawah **seksyen 98 Akta 611** iaitu perintah percubaan (*probation order*);
- (e) memerintahkan kanak-kanak itu dihantar ke suatu sekolah yang diluluskan atau Sekolah Henry Gurney;
- (f) memerintahkan supaya kanak-kanak itu membayar denda, pampasan atau kos;
- (g) sebat; dan
- (h) sekiranya kanak-kanak itu berumur empat belas tahun ke atas dan kesalahan itu boleh dihukum dengan hukuman pemerjaraan dan tertakluk kepada **subseksyen 96(2) Akta 611**, boleh mengenakan terhadapnya suatu tempoh penjara. Sekiranya mahkamah memikirkan bahawa kuasanya tidak memadai, boleh menyerahkan kanak-kanak itu kepada Mahkamah Tinggi untuk dihukum.

Untuk keterangan lanjut, sila berhubung dengan mana-mana cawangan Jabatan Bantuan Guaman yang berdekatan atau Ibu Pejabat Jabatan Bantuan Guaman di alamat berikut:

IBU PEJABAT

**JABATAN BANTUAN GUAMAN MALAYSIA
ARAS 1, BANGUNAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG
PRESINT 3, PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN
PERSEKUTUAN**

62692 PUTRAJAYA

NO. TELEFON : 03-88851000

NO. FAKSIMILE : 03-88851829 / 1830 / 1831

LAMAN WEB : www.jbg.gov.my

SMS : Taip JBG MENU dan hantar ke 15888

CATATAN :

RISALAH INI IALAH SUATU PENERANGAN RINGKAS UNTUK PENGETAHUAN ORANG RAMAI SAHAJA. IA BUKAN NASIHAT UNDANG-UNDANG YANG LENGKAP DAN TERPERINCI.

AKTA KANAK – KANAK 2001